

**Shabnam Bt Samsad**  
**Iwn. Samsad B Mohd Islam & 7 yang lain**

*a*

[Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah (Y.A. Tuan Syeikh Mohd Roze bin Abd Wahab) 22 Muhamarram 1430H bersamaan 19 Januari 2009 ]

*b*

[Kes Mal Bil: 02200-044-0036-2008]

*c*

***Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah Syariah-Bidangkuasa Mahkamah - permohonan pengesahan hibah - Syarat dan rukun sah hibah - Penerimaan melalui suratcara pemberian Hibah - HHhhh9 (2) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah 1993 - 13(3)(b) (v)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah 2008.***

**Fakta Kes**

*d*

Kes mal ini ialah Permohonan Pengesahan Hibah di bawah 9(2) (b)(i) EMS 1993 oleh Plaintiff, Shabnan bt Samsad terhadap Defenden-Defendant, di mana pihak Defendant 1 dalam kes ini merupakan bapa kandung Plaintiff dan lain-lain Defendant adalah saudara seibu sebaik kepada Plaintiff. Plaintiff memohon pengesahan hibah yang dibuat melalui suratcara Pemberian hibah pada 9.6.2005 oleh si mati Shah Jahan A/P Mohd Muslim (ibu Plaintiff dan Defendant 2-8 dan isteri kepada Defendant 1) kepada Plaintiff terhadap harta-harta berikut iaitu :-

*f*

1. Sebuah rumah beralamat di no. A 37, Lorong Ria Indah 17,Taman Ria Indah, 08000 Sungai Petani, Kedah.
2. Sebuah kereta Toyota Corolla Altis 1.6E (M), No.pendaftaran KBJ 8595.

*g*

Plaintif memohon kepada Mahkamah bagi menentukan Hibah yang dibuat oleh si mati pada 9.6.2005 kepadanya sama ada sah atau tidak dari segi syara'.

*h*

**Diputuskan**

Setelah mendengar keterangan Plaintiff dan keterangan saksi-

saksi Plaintiff, serta melihat akan segala dokumen berkaitan yang dikemukakan, Mahkamah membuat keputusan seperti berikut:-

1. Mahkamah perintahkan dan mengesahkan pemberian hibah yang dibuat oleh Shah Jahan A/P Mohd Muslim (pemberi hibah) kepada Shabnam bt Samsad (penerima hibah) melalui suratcara pemberian hibah pada 9.6.2005 adalah sah menurut Hukum Syara'.  
*b*
2. Pihak Pentadbir Tanah berkenaan dan pihak-pihak berkenaan adalah diberi kuasa untuk memindah milik harta hibah tersebut kepada Penerima hibah (Plaintif) mengikut pemberian hibah tersebut.  
*c*
3. Kos ditanggung oleh masing-masing.

Perintah dibuat di bawah Seksyen 9(2) (b) (i) EMS 1993

#### **Peguam Syarie**

Plaintif :*diwakili oleh Ameruddin Ahmad dari Tetuan Ameruddin & Associates*

Defendant: *tidak diwakili*

#### **Undang-Undang Yang Dirujuk**

1. *Enakmen Mahkamah Syariah 1993. Sek 9 (2)(b)(i), sek.13(3) (b)(v)(vi).*  
*f*

#### **Kitab-Kitab Yang Dirujuk**

1. *Al-Ahkam al-A'dliyah*, Perkara 859, Perkara 837.
2. Al-Sheikh Muhammad Al-Syarbini , *Mughni Al-Muhtaj*, Juzu' 2 hlm 396.  
*g*
3. Al-Sayed Al-Bikri, *I'anah Al-Talibin*, Cetakan Dar Al-Fikri, jilid 3,hlm 245

*a**b**c**d**e**f**g**h*

**Penghakiman Y.A. Tuan Syeikh Mohd Roze bin Abd Wahab,  
HMTS**

Kes mal ini ialah permohonan pengesahan Hibah di bawah 9 (2) (b) (i) EMS 1993 oleh Plaintiff Shabnan bt Samsad terhadap Defenden-Defendant, di mana pihak Defendan 1 dalam kes ini merupakan bapa kandung Plaintiff dan Iain-lain Defendan adalah saudara seibu sebaik kepada Plaintiff. Plaintiff memohon pengesahan Hibah yang dibuat melalui suratcara Pemberian Hibah pada 9.6.2005 oleh si mati Shah Jahan A/P Mohd Muslim (ibu Plaintiff dan Defendan 2-8 dan isteri kepada Defendan 1) kepada Plaintiff terhadap harta-harta berikut iaitu :-

1. Sebuah rumah beralamat di no. A 37, Lorong Ria Indah 17, Taman Ria Indah, 08000 Sungai Petani, Kedah.
2. Sebuah kereta Toyota Corolla Altis 1.6E (M), No.pendaftaran KBJ 8595.

Plaintif memohon kepada Mahkamah bagi menentukan hibah yang dibuat oleh si mati pada 9.6.2005 kepadanya sama ada sah atau tidak dari segi syara'.

Sebutan pertama kes dibuat pada 7.4.2008. Plaintiff hadir diwakili Peguam Syarie Ameruddin Ahmad dari Tetuan Ameruddin & Associates. Defendan 1 hanya hadir sekali semasa keterangan saksi 1 Plaintiff, walaupun Saman kepadanya dapat disempurnakan di Mahkamah ini semasa sebutan awal kes lagi dan Defendan tidak diwakili Peguam dan Defendan 1 tidak bersetuju dengan permohonan Plaintiff dan Defendan tidak memasukkan Afidavit Jawapan. Lain-lain Defendan hadir bersendirian dan bersetuju dengan permohonan Plaintiff.

Sebelum mahkamah ini pergi lebih jauh lagi bagi menghuraikan hibah dan syarat sah hibah adalah juga mahkamah teliti berkaitan bidangkuasa yang diberikan oleh undang-undang.

Di dalam seksyen 13(3) (b) (v) (vi) EMSK 2008 ada menyebut –

Seksyen 13 (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan – a

(v) Wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam; b

(vi) Alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;

Oleh yang demikian, mahkamah dapati ianya berbidangkuasa untuk membicarakan dan membuat keputusan bagi kes ini. c

(a) Di dalam Kitab al-Ahkam al-A'dliyah perkara 67 dinyatakan –

"orang yang diam tidak dinisbahkan sesuatu perkataan kepadanya tetapi diam pada waktu keperluan menunjukkan suatu perisyiharan (pengakuan). Maksudnya, tidak boleh dikatakan kepada orang yang diam itu yang dia telah berkata sesuatu. Tetapi diam dalam perkara yang mestilah dia bercakap merupakan suatu pengakuan." d

*e*

Mengikut kaedah ini jelaslah bahawa kehadiran Defendan wajib untuk memberi keterangan dan jika berdiam diri di dalam perkara yang perlu maka diam itu menunjukkan persetujuan daripada Defendan. f

Oleh yang demikian, mahkamah menggunakan kaedah ini untuk meneruskan perbicaraan demi keadilan semua pihak di dalam kes ini.

Plaintif telah kemukakan 3 orang saksi untuk menguatkan hujahnya iaitu : - g

1. Puan Che Rogayah bt Sudin(Peguam)
2. Mohd Nor Azman b Din
3. Rosli b Hussain. h

- a Peguam Plaintiff telah memasukkan hujah bertulis pada 5 Julai 2009. Dalam keterangan utamanya melalui Peguam, Plaintiff menjelaskan Defendan 1 adalah bapanya dan lain-lain Defendan adalah adik beradik kandung seibu sebapa dengannya. Bapanya telah bernikah dengan emaknya Shah Jahan A/P Mohd Muslim. Plaintiff hadir untuk pengesahan Hibah yang dibuat oleh ibunya kepadanya melalui surat cara Hibah yang dibuat pada 9.6.2005 di Hospital Alor Setar, Kedah di hadapan ibunya kerana pada masa itu ibunya kurang sihat. Ibunya telah pun mati pada 11.11.2005 selepas 5 bulan Hibah itu dibuat. Dokumen hibah itu telah disediakan oleh Tetuan Tam Shukri & Associates. Pihak-pihak yang hadir di hospital Alor Setar ialah Plaintiff, Defendan 1 (bapanya), Defendan 4 (Nasreen) dan saksi-saksi Plaintiff seperti disebut.

- b Saksi 1 telah terangkan kepada yang hadir apa yang perlu dibuat dan membaca surat cara Hibah sebelum menandatanganinya.  
c Kemudian surat cara hibah itu ditandatangan oleh ibu Plaintiff (pemberi hibah), Plaintiff (penerima hibah) dan saksi-saksi 1,2 dan 3 sepertimana yang dikemukakan yang ditanda sebagai P 1. Plaintiff juga mendakwa semasa hibah itu dibuat dan selepas kematian ibunya tiada siapa yang membantah tentang pemberian hibah yang dibuat oleh ibunya kepadanya dan hibah dibuat secara sukarela oleh ibunya kerana pada masa hibah dibuat ibunya masih sedar, ingat dan memahami segala keterangan yang dibuat oleh peguam dan seterusnya menandatangi surat cara hibah itu.

- d Untuk menguatkan hujahnya, Plaintiff telah kemukakan 3 orang saksinya iaitu :-

- e
1. Puan Che Rogayah bt Sudin (Peguam) dari Tetuan Tam Shukri & Associates
  2. Mohd Nor Azman bin Din
  3. Rosli bin Hussain yang keduanya adalah pekerja di pejabat Tetuan tersebut.

- f
- g
- h Saksi 1 dalam keterangannya pada 12.1.2009 menjelaskan beliau hadir ke Hospital Alor Setar pada 9.6.2005 bersama dua

kakitangan pejabat peguamnya seperti disebut untuk jadi saksi terhadap dokumen surat cara hibah antara pemberi hibah (Shah Jahan, ibu Plaintiff) dan penerima hibah (Plaintif) yang ketika itu ada bersama dalam majlis itu ialah Defendan 1 dan Defendan 4. Saksi telah membaca dan menerangkan kandungan surat cara Hibah itu dan pemberi Hibah faham isi kandungannya dan bersetuju untuk menghibahkan harta tersebut kepada Plaintiff. Pada masa itu tiada bantahan dari mana-mana pihak berkenaan.

Saksi juga mengaku pemberi hibah telah melafazkan aqad hibah secara lisan (ijab) dan diterima oleh penerima hibah secara lisan (qabul) dan sama-sama menandatangani surat cara hibah itu yang dilihat oleh Defendan 1 pada masa itu. Saksi 1 ini adalah sebagai saksi kepada pemberi dan penerima hibah dalam surat cara hibah tersebut.

Saksi 2 dalam keterangannya pada 12.1.2009 dan saksi 3 pada 11.3.2009 juga menjelaskan hampir sama dengan keterangan saksi 1 Plaintiff dimana saksi-saksi ini mengaku surat cara hibah itu telah dibaca, diterangkan dan difahami oleh pihak pemberi dan penerima hibah dan ditandatangani oleh mereka. Kedua saksi ini juga mengaku telah menurun tandatangan sebagai saksi bagi transaksi hibah tersebut.

Mahkamah juga harus melihat kepada Hukum Syara' bagi tujuan menjelaskan bahawa pemberian Hibah mestilah menepati Hukum Syara' dan syarat-syarat yang membolehkan ianya menjadi sah dan boleh dilaksanakan menurut Hukum Syara'.

Al Syarbini dalam *Mughni al Muhtaj*, jilid 2, halaman 396 menyebut :-

**التمليك العين بلا عرض في حال الحياة تطوعا هبة**

*Bermaksud:*

*Hibah ialah Pemberian milik sesuatu benda tanpa ada timbal balas sewaktu seseorang masih hidup secara sukarela.*

a Dalam kitab *I'aanah al Talibin*, jilid 3, halaman 245 dijelaskan maksud hibah iaitu

**تمليك عين يصح بيعها غالباً أو دين من أهل تبرع بلا عرض**

b *Bermaksud:*

*Hibbh ialah memberi sesuatu barang kepada seseorang yang mana barang itu sah untuk dijual atau diberi hutang oleh ahli tabarru' dengan tidak adanya sebarang tukaran atau balasan.*

c Mengikut Syara' bahawa hibah atau akad hibah akan berlaku sahnya apabila ianya memenuhi rukun-rukun dan syarat hibah iaitu:-

### i. Pemberi hibah (*al-Wahib*)

d Pemberi hibah hendaklah seseorang yang berkeahlian (ahliyyah al-tabarru') seperti sempurna akal, sampai umur dan rusyd. Pemberi Hibah juga pemilik terhadap harta yang hendak diHibahkan.

### ii. Penerima hibah (*al-Mauhub lahu*)

e Penerima hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja asalkan dia boleh memiliki harta samada mukallaf atau bukan mukallaf. Bagi orang bukan mukallaf, walinya boleh menerima harta Hibah tersebut.

f

### iii. Barang yang dihibah (*al-Mauhub*)

Barang yang hendak diHibahkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

g

- (i) Harta itu wujud pada masa hibah itu dibuat;
  - (ii) Harta itu hendaklah harta yang mempunyai nilai dari segi syara';
  - (iii) Harta itu milik pemberi hibah; dan
  - (iv) Harta itu boleh diserahkan.
- h (v). Sighah (*al-Ijab* dan *Qabul*)

Sighah hibah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (i) Ada persambungan dan persamaan di antara kabul dan ijab; a
- (ii) Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu; b
- (iii) Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Hibah yang disyaratkan dengan tempoh tertentu seperti berlaku dalam al-umra dan al-ruqba adalah sah hukumnya tetapi syarat tersebut adalah batal. c

Bagi Abu Hanifah, rukun hibah hanyalah ijab dan kabul dan akan sempurna dengan penerimaan barang (*al-qabd*). Perkara 837 Majallah al-Ahkam memperuntukkan -

*"Kontrak Hibah berlaku dan sah apabila terdapat penawaran (ijab) dan penerimaan (kabul). Ia menjadi sempurna apabila terdapat penerimaan (barang)." d*

Mahkamah harus melihat kepada rukun pertama hibah (*al-wahib*) pemberi hibah. Maksud pemberi hibah hendaklah seseorang yang berkeahlian (*ahliyyah al-tabarru*) seperti sempurna akal, sampai umur dan *rusyd*. Pemberi hibah juga merupakan pemilik terhadap harta yang hendak dihibahkan itu. e

Di dalam hal ini, adakah pemberi hibah (*al-wahib*) itu berkeahlian. Inilah persoalan yang menjadi perkara yang perlu diberi penjelasan. f

Mahkamah merujuk kepada Hukum Syara' di antaranya dijelaskan di dalam *Kitab al-Ahkam al-'Adliyyah* perkara 859 dinyatakan –

*"Merupakan syarat bahawa pemberi (wahib) mestilah sempurna akal dan cukup umur. Oleh itu, sesuatu hadiah oleh kanak-kanak, orang gila dan orang dungu tidak sah. Tetapi sebarang hadiah yang diberikan kepada mereka sah." g*

Berdasarkan hukum hibah, jelas dalam kes ini pemberi hibah semasa adanya perlakuan aqad hibah (Ijab dan Qabul) dengan penerima Hibah dan semasa menandatangani surat cara hibah adalah termasuk dalam rukun pertama ini kerana seorang yang h

a berkeahlian dan sempurna akal seputar pengakuan dan penjelasan oleh Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff.

Oleh yang demikian, rukun pertama hibah tidak terjejas, begitu juga rukun 2 – 3 ada penerima hibah dan barang yang dihibah wujud.

b Jika dilihat syarat (4) iaitu ijab dan qabul ianya juga menepati kehendak Hukum Syarak kerana pemberi Hibah telah menyempurnakan ijab atau melafaz dan menandatangani surat cara Hibah serta telah ada qabul (terima) dan tandatangan oleh penerima hibah di hadapan saksi-saksi pada surat cara hibah tersebut.

c Saksi-saksi Plaintiff dan dokumen-dokumen yang dikemukakan jelas menyatakan adanya perlakuan ijab dan qabul antara pemberi dan penerima hibah pada 9.6.2005.

d Setelah Mahkamah meneliti dan halusi kes ini, maka Mahkamah berpuas hati sabit tuntutan Plaintiff pada Mahkamah.

### **Keputusan**

e Setelah mendengar keterangan Plaintiff dan keterangan saksi-saksi Plaintiff, serta melihat akan segala dokumen berkaitan yang dikemukakan, Mahkamah membuat keputusan seperti berikut:-

f 1. Mahkamah perintahkan dan mengesahkan pemberian hibah yang dibuat oleh Shah Jahan A/L Mohd Muslim (pemberi Hibah) kepada Shabnam bt Samsad (penerima hibah) melalui surat cara pemberian hibah pada 9.6.2005 adalah sah menurut Hukum Syara'.

g 2. Pihak Pentadbir Tanah berkenaan adalah diberi kuasa untuk memindah milik harta hibah tersebut kepada Penerima Hibah (Plaintif) mengikut pemberian hibah tersebut.

h 3. Kos ditanggong oleh masing-masing.